

MAHATHIR - P A S

(I)

1984

PETALING JAYA, 25 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCABAR PAS MENGADAKAN DEBAT TERBUKA DENGAN UMNO MENGENAI SEMUA TAJUK TERMASUK PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA.

PERDANA MENTERI X BERKATA DEBAT ITU BOLEHLAH DISIARKAN LANGSUNG OLEH TELEVISYEN MALAYSIA JIKA PARTI PEMBANGKANG ITU MAHU.

DEBAT TERSEBUT MUNGKIN BOLEH DIADAKAN DENGAN NAIB PRESIDEN PAS HAJI HADI AWANG DAN UMNO AKAN MELANTIK SEORANG TOKOHNYA YANG AKAN BERDEBAT DENGANNYA MENGENAI ISLAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDIA BERDEBAT DENGAN HAJI HADI MENGENAI TAJUK SEPERTI EKONOMI SEDUNIA, HALEHWAL ANTARABANGSA DAN PERUBATAN.

+ SAYA SANGGUP BERBINCANG DENGAN PAS BERHUBUNG DENGAN PENYELESAIAN MASALAH PARTI MEREKA DAN KEKELIRUAN MEREKA. UMNO MAHUKAN SATU PERDEBATAN DENGANNYA (HAJI HADI) MENERUSI TELEVISYEN JIKA IA MAHU.

+ BAGAIMANAPUN, SAYA TIDAK SANGGUP BERBINCANG DENGANNYA MENGENAI ISLAM KERANA IA LEBIH MAHIR DIDALAM BIDANG ITU DAN AKAN MEMPERGUNAKANNYA UNTUK MEMUTAR BELITKAN KEBENARAN DAN MUNGKIN MENGELIRUKAN SAYA, + BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KEENAM KOOP BERSATU - SEBUAH KOPERASI UMNO DI HOTEL SUBANG VIEW. -- LAGI
1422MST 25 03 84

D248

U B937 DEB.

MAHATHIR - PAS 2 PETALING JAYA

DR MAHATHIR BERKATA JIKA HAJI HADI X BERKERAS UNTUK BERDEBAT MENGENAI ISLAM, UMNO AKAN MELANTIK SESEORANG YANG BOLEH BERBAHAS DENGANNYA ATAS SYARAT-SYARAT YANG SAMA.

+ JIKA IA HENDAK BERBINCANG DENGAN SAYA MENGENAI EKONOMI DUNIA, HALEHWAL ANTARABANGSA DAN LAIN-LAIN PERKARA TERMASUK PERUBATAN, BAIKLAH, SAYA BOLEH BERBINCANG DENGANNYA.

+ TAPI TENTULAH DIA FIKIR DIA HANYA BOLEH BERBINCANG MENGENAI BIDANG-BIDANG YANG DIA LEBIH FAHAM DARIPADA SAYA, TAPI BAIKLAH, KITA ADA JUGA ORANG YANG BOLEH BERBAHAS DENGANNYA. +

BELIAU MENGULAS MENGENAI WAWANCARA HAJI HADI DENGAN SEBUAH MAJALAH YANG BERPEJABAT DI HONG KONG YANG MENDAKWA BAHAWA PAS TELAH BERKALI-KALI DENGAN TERBUKA MENAWARKAN KERJASAMANYA TETAPI UMNO BERSIKAP KASAR.

+ SAYA SENDIRI MENYEBUT DALAM DEWAN UDANGAN NEGERI TERENGGAU BAHAWA KAMI SANGGUP MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN KERAJAAN. KAMI MAHU MENYELESAIKAN BANYAK PERKARA, TETAPI MEREKA BERSIKAP KASAR, + KATA HAJI HADI DALAM WAWANCARA EDISI TERBARU MAJALAH ITU YANG KINI BOLEH DIDAPATI DI PASARAN TEMPATAN.

PRESIDEN UMNO ITU MENJAWAB HARI INI TIDAK ADA SEBAB MENGAPA BELIAU PATUT BERBINCANG DENGAN HAJI HADI MENGENAI ISLAM. -- LAGI

MAHATHIR - P A S 3 PETALING JAYA

+ SAYA TIDAK PERLU BIMBANG TENTANG KEISLAMAN SAYA, + TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR..

DITANYA SAMA A D A LEBIH BAIK BELIAU BERDEBAT DENGAN HAJI HADI MENGENAI ISLAM, PERDANA MENTERI BERKATA: + ADALAH SUKAR UNTUK MENJELASKAN KEPADANYA (HAJI HADI) K E R A N A DIA BERTEGAS MENYATAKAN PERKARA-PERKARA YANG SALAH WALAUPUN IA NYATA.

BELIAU JUGA MENEGUR PAS K E R A N A KENYATAAN PARTI ITU BARU-BARU INI BAHAWA UMNO PATUT BERTANGGUNGJAWAB DALAM MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN ISLAM KERANA UMNO TELAH DIBERIMANDAT OLEH RAKYAT UNTUK MENTADBIRKAN NEGARA.

+ MERAKA (PEMIMPIN PAS) SELALU BERKATA UMNO TIDAK BERBUAT SESUATU. BERITAHU KAMI APAKAH SESUATU ITU YANG KAMI TIDAK LAKUKAN, + KATANYA.

DATUK SERI D R . MAHATHIR KEMUDIAN MENSENARAIKAN PROJEK-PROJEK YANG DILAKSANAKAN UNTUK KEPENTINGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI TERMASUK BANK ISLAM, INSURANS ISLAM, UNIVERSITI ISLAM DAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN.

+ TETAPI SUDAH TENTU PAS MEMPUYAI PELINDUNG MATA. MEREKA HANYA MELIHAT APAYANG MEREKA INGIN LIHAT SAHAJA. + -- LAGI
1444MST 25 03 84.

D251

RB939 DEB
MAHATHIR - P A S 4 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI MENYATAKAN BIMBANGNYA TENTANG KEGIATAN-KEGIATAN PELAMPAU BARU-BARU INI ? DI NEGARA INI YANG DISEBARKAN OLEH KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU.

+ KITA AKAN MEMPASTIKAN KEGIATAN-KEGIATAN PELAMPAU TIDAK AKAN MENJEJASKAN NYAWA RAKYAT MALAYSIA, + TAMBAH BELIAU.

KEGIATAN-KEGIATAN TERSEBUT TERMASUK KEENGGANAN SETENGAH-SETENGAH SEKOLAH AGAMA MENYANYI LAGU KEBANGSAAN KERANA TERPENGARUH DENGAN KUMPULAN ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MENGULAS TENTANG PERKARA ITU SEBAIK MENERIMA LAPORAN PENUH. -- BERNAMA